

# Thaksin harap Abdullah teruskan kerjasama

JM 29 JUL 2003

Laporan  
**SOPHA SULAIMAN,  
ROSNI HASSAN dan  
ASUKIABAS**

**L**ANGKAWI 28 Julai — Perdana Menteri Thailand, Dr. Thaksin Shinawatra berharap kerjasama rapat antara negaranya dan Malaysia dapat diteruskan selepas Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih kepimpinan negara Oktober ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Thaksin menyatakan harapannya kepada beliau (Syed Hamid) untuk meneruskan hubungan akrab dengan Malaysia apabila Timbalan Perdana Menteri mengambil alih kedudukan daripada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam masa tiga bulan lagi.

“Dia berharap kerjasama dapat diteruskan walaupun ada perubahan

kepimpinan akan berlaku selepas Oktober,” ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengiringi kepulangan Perdana Menteri Thailand itu yang menamatkan lawatan rasmi dua hari ke pulau ini, di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, di sini hari ini.

Thaksin mengadakan lawatan tersebut sempena Dialog Perkongsian

Teknologi dan Perniagaan Malaysia-Thailand yang diadakan selama dua hari mulai semalam di Hotel Sheraton Perdana, di sini.

Turut mengiringi ialah Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr. Jamaludin Mohd. Jarjis dan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Menurut Syed Hamid, Thaksin juga turut menyatakan perasaan terha-

ru atas sambutan yang diberikan oleh Perdana Menteri sepanjang lawatan tersebut.

“Beliau juga yakin perkara-perkara yang dipersetujui sepanjang dialog itu akan dapat dijadikan kenyataan.

“Beliau turut menyatakan bahawa kerjasama erat antara Malaysia dan Thailand akan membolehkan kedua-dua negara memiliki kekuatan dari segi ekonomi,” ujarnya.